



SOAL JAWAB PUASA DAN PERUBATAN

Oleh Dr Maizatul Akhmal binti Hishin, Pegawai Perubatan Siswazah, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah dan Ahmad Muaz Mat Salleh, pelajar Universiti Sains Islam Malaysia. (Ielah disunting dan disemak oleh Dr Mat Salleh bin Sarif, Paakar Bedah Am, HoSHAS dan Ustaz Zulkifli Embong (Mudir Maadhad Tahfiz Tengku Ampuan Afzan, Pekan, Pahang)

Ibadah

Penilaian seseorang hamba di sisi Allah SWT adalah berdasarkan kepatuhan dan ketaatannya kepada perintah Allah SWT pada setiap masa dan tempat. Tidak ada masa dan tempat mahupun situasi seorang hamba boleh terlepas atau lari dari menunaikan tanggungjawab terhadap Penciptanya, samada ketika senang mahupun susah, ketika sihat mahupun sakit, ketika berada di samping keluarga mahupun ketika musafir dan lain-lain. Namun dalam masa yang sama, Tuhan Pencipta Alam tidak akan meletakkan tanggungjawab melainkan mengikut kemampuan dan keupayaan setiap hamba. Disinilah timbulnya konsep *rukhsah* yang bermaksud keringanan yang disyariatkan oleh Allah SWT kerana keuzuran dan bagi mengelak kesukaran. Hukum *Rukhsah* walaupun berlawanan dengan hukum asal bagi sesuatu masalah tetapi bukan memansuhkan hukum tersebut. Ini adalah rahmat Allah dan bukti keanjalan syariat Islam.

Dalam alQuran ada menyebutkan:

- يريد بكم اليسر ولا يريد بكم العسر

Maksudnya:

Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. (Surah al-Baqrah:158)

- ما جعل عليكم في الدين من حرجاً

Maksudnya:

Dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama. (surah al-Haj: 78)

Puasa

Ibadah puasa merupakan adalah fardhu ain dan setiap muslim perlu mempelajari fiqh puasa dengan sebaik-baiknya, yang merangkumi cara pelaksanaan samada ketika sihat mahupun sakit. Setiap pesakit dan pengamal perubatan perlu mempelajari agar ibadah yang mulia ini tidak berlalu begitu sahaja.

Kejahilan umat islam yang berlaku akan membawa tindakan yang tidak tepat seperti tidak mendengar arahan doktor dan terus berpuasa walaupun pesakit sememangnya wajib berbuka, ataupun terlalu mengambil mudah dengan menjadikan alasan masalah kesihatan untuk tidak berpuasa padahal boleh diusahakan untuk berpuasa.

Scenerio Kes dan Penyelesaian

Berikut adalah beberapa scenario kes soalan dan jawapan berkaitan ibadah puasa dan perubatan:

1. Seorang pesakit lelaki berumur 24 tahun, dimasukkan ke hospital, disahkan menghidap acute appendicitis, (keradangan appendix)-symptom: sakit perut, demam dan muntah
Doktor mengarahkan supaya pesakit berpuasa.

Soalan:

- berbezaakah puasa ini dengan puasa ramadhan?
- Bolehkah niat puasa ramadhan sekali?
- Batalkah puasa saya (muntah) ?

Jawapan:

Puasa ramadhan adalah puasa fardhu yang dilaksanakan dengan menahan diri daripada melakukan perkara yang membatalkan puasa sejak terbit fajar sehingga terbenam matahari, disertai dengan niat sebelum waktu subuh.

Sekiranya arahan puasa tersebut sebelum waktu subuh, dan pesakit sempat berniat, dan tidak melakukan perkara yang membatalkan puasa maka bolehlah pesakit tersebut puasa ramadhan.

Puasa tidak batal jika muntah tidak sengaja

2. Bagaimana pula jika dimasukkan 'iv drip' (air yang dimasukkan ke saluran darah) ketika pesakit diarahkan berpuasa, adakah batal puasa tersebut?

Jawapan:

*Hukum asal mengikut imam syafie tidak batal jika memasukkan sesuatu **SELAIN** daripada rongga, contohnya saluran darah seperti air dan ubat, akan tetapi mengikut jumhur ulama' jika yang dimasukkan memberi tenaga/makanan (seolah-olah tidak seperti berpuasa) maka batallah puasa tersebut.*

3. Pesakit dijadualkan pembedahan elektif (telah dijadualkan/bukan kecemasan) pada waktu siang, diminta berpuasa bermula jam 12 malam. Bagaimana jika pesakit ingin mendapat pahala bersahur?

Jawapan:

'sahur' itu sendiri dari segi bahasa adalah penghujung malam. Para ulama menyebut sahur itu adalah 1/6 malam, dan sunnah Rasulullah saw adalah melewati sahur. Akan tetapi bagi pesakit yang akan menjalani pembiusan pesakit diminta berpuasa untuk tempoh tertentu bagi mengelakkan komplikasi seperti 'aspiration pneumonia' dan sebagainya. Maka pesakit dibenarkan makan sebelum tengah malam untuk mengelakkan komplikasi tersebut.

Bagaimanapun, sedikit air kosong dibenarkan sekurang-kurangnya 2 jam sebelum pembiusan penuh dilakukan (general anaesthesia), tetapi pesakit hendaklah meminta nasihat doktor bedah dan doktor bius dalam situasi masing-masing.

4. Seorang pesakit mengalami muntah darah dan najis berwarna gelap. Pesakit disyaki mengalami pendarahan dalam salur pemakanan dan dicadangkan untuk menjalani prosedur endoskop (OGDS/colonoscope), iaitu memasukkan kamera/'teropong' dari bahagian mulut/dubur untuk melihat punca pendarahan. Apakah status puasa pesakit?

Jawapan:

Hal ini lihat pada rukun puasa yang kedua iaitu menahan perkara-perkara yang membatalkan puasa. Ia batal bila memasukkan makanan atau minuman atau lakukan hubungan seks suami-isteri. Memasukkan alatan modern atau bukan makanan kedalam perut yang perlukan dilaksanakan untuk kepentingan perubatan termasuk dalam perkara khilaf. Ulama zaman mutakhir telah membuat keputusan dalam Akademi Fiqh Antarabangsa bahawa ianya tidak batal sebab:

- a. bukan makanan*
- b. darurat dan dilakukan dengan sekadarnya*

Walaupun bagaimanapun, sekiranya ada pilihan prosedur boleh buat waktu malam atau selepas berbuka. Jika pilihan ini tiada, prosedur boleh terus dilaksanakan tanpa membatalkan puasa. Prosedur seperti 'OGDS' yang melibatkan penggunaan air (dimasukkan dalam perut) membatalkan puasa pesakit. Pesakit boleh berbuka dan tidak berdosa kerana ia adalah rukhsah.

Soalan ini merangkumi isu-isu lain, amalan perubatan yang tidak membatalkan puasa:

- Ubat titis mata, titis telinga dan basuh telinga.*
- Memasukkan CBD (tiub air kencing) ke salur kencing lelaki atau perempuan*
- Suntikan melalui kulit, otot, sendi atau pembuluh darah, KECUALI memberi makanan melalui pembuluh darah (seperti glukos yang mengenyangkan) dan bukannya ubatan*
- Penderma atau menerima pemindahan darah*
- Oksigen dan Gas Bius*
- Mengambil sampel darah untuk ujian makmal*
- pemeriksaan per rectum (menggunakan jari untuk memeriksa lubang dubur) atau per vagina (kemaluan perempuan)*
- ryle's tube (tiub dimasukkan ke dalam hidung sehingga ke dalam mulut)*
- inhaler (ubat sedut untuk pesakit asthma), yang mana tidaklah masuk ke dalam perut, hanya membuka salur pernafasan dalam paru-paru*
- Membasuh mulut, berkumur atau semburan mulut, dengan syarat tiada bahan masuk kedalam perut*

5. Seorang pesakit menjalani pembedahan telah tidak sedarkan diri dalam tempoh yang lama. Adakah pembedahan dan bius membatalkan puasa? (adakah sama seperti orang yang pengsan?)

Jawapan:

Seperti yang diterangkan di atas, jika bius sahaja tidaklah batal, tetapi jika bersamanya dimasukkan cecari (iv drip) maka batallah puasa. Berkaitan isu tidak sedar untuk jangka masa yang lama menurut Al'imam Al-Muzanni (sahabat Imam Syafie), orang yang pengsan sepanjang hari/tidak sedarkan diri untuk tempoh yang lama tidak batal puasa sekiranya disertai dengan niat berpuasa sebelum itu.

6. Bagaimana dengan qada' dan fidyah untuk orang yang tidak berpuasa kerana sakit.

Jawapan:

- *Orang sakit yang ada harapan untuk sembuh
 - o *wajib qada' puasa apabila sembuh**
- *Orang yang tidak berkemampuan/terlalu tua untuk qada
 - o *tidak wajib berpuasa, membayar fidyah apabila sembuh**
- *Orang yang tiada harapan sembuh,
 - o *tidak wajib berpuasa*
 - o *sekiranya meninggal dunia sebelum sembuh, tidak diwajibkan fidyah**

7. Saya seorang pesakit diabetes, bolehkah saya berpuasa?

Jawapan:

Pesakit diabetes yang tidak digalakkan berpuasa

- *Pesakit diabetes yang tidak terkawal paras gula mempunyai risiko yang lebih tinggi jika berpuasa*
- *pesakit yang mengalami komplikasi diabetes yang serius, seperti penyakit jantung dan darah tinggi yang tidak terkawal*
- *pesakit yang kerap mengalami diabetic ketoacidosis, terutama diabetes jenis 1*
- *kerap mengalami komplikasi hypoglycemia (kurang gula dalam darah)*
- *pesakit sedang mengalami jangkitan kuman*
- *warga tua yang tinggal sendirian*
- *hamil yang memerlukan insulin (perlu merujuk doktor sakit puan masing-masing)*
- *berusia bawah 12 tahun (diabetes jenis 1, sentiasa memerlukan insulin)*

8. Saya menghidap diabetes menggunakan insulin, bilakah saya perlu mengambil suntikan insulin ketika berpuasa?

Jawapan:

Dos dan waktu insulin disuntuk harus diubahsuai mengikut arahan doktor berdasarkan tahap gula dalam darah

(a) 3 kali suntikan

-dua dos insulin yang bertindak segera (short acting) sebelum bersahur dan ketika berbuka, satu dos yang bertindak lama (intermediate acting) sebelum tidur

(b) 2 kali suntikan

-satu dose insulin yang sudah dicampur (premixed) ketika berbuka, satu dos bertindak segera sebelum bersahur

9. Persoalan dalam perbidanan dan sakit puan.
a. Adakah keluar air ketuban membatalkan puasa?

Jawapan:

tidak sah berpuasa jika wanita mengalami haid atau nifas (darah yang keluar selepas melahirkan anak)

Adapun air ketuban, 'show', ante-partum hemorrhage adalah bukan darah haid atau nifas, maka tidak membatalkan puasa

- b. Semasa dalam proses melahirkan, pesakit diberikan iv pitocin (dimasukkan bersama cecair) untuk merangsang kontraksi?

Jawapan:

Merujuk kepada penerangan di atas, jika cecair yang dimasukkan boleh memberikan tenaga kepada pesakit maka batallah puasa tersebut.

- c. Adakah batal puasa jika memasukkan ubat untuk mempercepat proses bersalin, pemeriksaan vagina dan memasukkan speculum?

Jawapan:

tidak membatalkan puasa kerana mengikut jumhur ulama' yang membatalkan puasa ialah memasukkan makanan atau minuman ke dalam salur pemakanan/perut

- d. Haid tidak teratur. Seorang wanita mengalami haid 4-5 hari, kemudian tiada haid, kemudian haid datang semula selepas 3 hari. Bagaimana status puasa wanita ini?

Jawapan:

Fatrah suci ketika tiada haid itu wanita itu wajib puasa dan solat

- e. Kebiasaanya seorang wanita mengalami haid 7 hari, setelah memakai IUCD (alat perancang kehamilan yang diletakkan ke dalam rahim) mengalami pendarahan dengan tempoh yang lebih lama.

Jawapan:

Masih dikira haid walaupun telah diketahui bahawa kesan sampingan IUCD akan menyebabkan pendarahan lebih lama, tetapi dalam lingkungan 15 hari sahaja, lebih dari itu dikira darah istihadhah.

- f. Panduan asas ibu mengandung untuk berbuka puasa:
- *Berasa pening/lelah/pitam walaupun setelah berehat dalam 30 minit*
 - *Terlampau haus*
 - *Pergerakan bayi kurang terutama kandungan lebih dari 30 minggu*
 - *Tiada pertambahan berat badan atau mengalami pengurangan berat badan*
 - *Demam atau sakit yang memerlukan rawatan*
- g. Ibu mengandung yang tidak disarankan berpuasa
- *diabetes mellitus/gestational diabetes (kencing manis semasa mengandung)*
 - o *Komplikasi berbahaya terhadap bayi boleh berlaku pada ibu yang mengalami hypoglycemia (kekurangan gula dalam darah)*
 - *Hypertensive disorder in pregnancy (penyakit darah tinggi semasa mengandung)*
 - *Multiple preganancy (kandungan lebih dari seorang, kembar)*
 - *Chronic medical disease liver, kidney etc (pesakit perubatan yang kronik, contohnya penyakit hati, buah pinggang)*
 - *IUGR (bayi kecil), oligohydramnion (air ketuban kurang)*
 - *Risiko bersalin tidak cukup bulan*

Para pengamal perubatan bersama dengan pesakit perlulah bekerjasama untuk memastikan pesakit yang mampu berpuasa dapat menjalankan ibadah puasa di bulan yang mulia ini.

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

[المائدة:2]

“Bertolong-menolonglah kamu dalam urusan kebaikan dan jangan kamu bertolong-menolong dalam dosa dan permusuhan. Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat berat siksaanNya” (Al-Maidah: 2)

Sumber:

1. Seminar Puasa & Perubatan, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) temerloh pada 5 Julai 2014. Penceramah: Ustaz Zulkifli Embong (Mudir Maadhad Tahfiz Tengku Ampuan Afzan, Pekan, Pahang), Dr Melati Ibrahim (Pakar Perbidanan dan Sakit Puan HoSHAS), Dr Raja Nurazni Raja Azuan (Pakar Perubatan HoSHAS), Dr Mat Salleh bin Sarif (Pakar Bedah Am HoSHAS)
2. Seminar Fiqh Ramadhan di Universiti Islam Antarabangsa anjuran I-Medik pada 14 Jun 2014. Penceramah: Ustaz Zulkifli Embong (Mudir Maadhad Tahfiz Tengku Ampuan Afzan, Pekan, Pahang).
3. Seminar Fekah Perubatan kali ke-9 di Morocco pada Jun 1997.

ⁱ Al-Quran, al-Haj: 78

